




1. JAWATAN	: KETUA PEGAWAI BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran atau bidang bersesuaian.
ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.
iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun.
- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

ATAU



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PEGAWAI BELIA DAN SUKAN:

1. Membantu Pengarah dalam hal-hal tersebut:
 - i. Menggubal dan melaksanakan dasar-dasar yang berkaitan dengan hal ehwal kebeliaan dan kesukanan.
 - ii. Mengetuai perancangan dan pengurusan sukan untuk perkembangan dan meningkatkan mutu sukan secara sistematis dan kesinambungan untuk mengembangkan sukan dikalangan remaja dan belia untuk mencungkil dan mencari bakat yang berpotensi dan juga mengembangkan serta membangunkan sukan untuk atlit bagi mengharumkan nama negara.
 - iii. Mengetuai perancangan dan pengurusan kegiatan belia untuk membangun iltizam yang kuat dan rasa kekitaan yang kukuh, disamping menimbulkan kepercayaan diri sendiri dan keazaman berdikari yang berasaskan latihan kemahiran dan pembangunan diri yang bersistematis.
 - iv. Mengendalikan program dan kegiatan untuk menggalak, membangun dan membantu badan-badan bukan Kerajaan, belia dan sukan untuk mereka memahami konsep kesukarelawan dan menanam di dalam jiwa mereka tentang keperluan sumbangan dan komitmen yang penuh dan ikhlas di dalam pengendalian badan bukan Kerajaan.
 - v. Mengawas hal ehwal kemajuan kerjaya Pegawai dan Kakitangan Belia dan Sukan serta membuat penilaian prestasi mereka demi kepentingan perkhidmatan yang berkualiti.
 - vi. Mengendali dan mengurus kewangan termasuk anggaran belanjawan, rancangan kemajuan dan kutipan hasil serta pentadbiran harta benda, kemudahan-kemudahan sukan dan pusat-pusat kemasyarakatan di seluruh negeri agar penggunaannya dapat dimanfaatkan semaksimanya.



- vii. Menyediakan dan melaksanakan rancangan mempelbagaikan sumber kutipan hasil jabatan.
 - viii. Mempunyai inisiatif dan berusaha menyusun rancangan yang berdasarkan wawasan yang sihat dalam perkembangan sukan dan pembangunan belia berdasarkan misi Jabatan Belia dan Sukan dan aspirasi negara.
2. Terlibat sebagai Jawatankuasa dalam aktiviti-aktiviti Jabatan.
 3. Menerima arahan dari pegawai atasan dari semasa ke semasa.
 4. Bersedia bertugas diluar waktu pejabat dan hari-hari kelepasan awam termasuk hari Jumaat dan Ahad.